

100 perkukuh ilmu naqli, aqli

■ USIM anjur program kongsi model integrasi pengajaran Islam bagi kakitangan, pelajar



TIMBALAN Naib Canselor USIM, Prof Dr Zulkiple Abdul Ghani (kiri) menyampaikan ucapan ketika ECNA 2015.

Oleh Mohd Amin Jalil
am@hmetro.com.my
Nilai

Seramai 100 peserta menjayakan Kongres Pendidikan Integrasi Naqli dan Aqli 2015 (ECNA 2015) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) anjuran Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) di Dewan Kuliah Utama USIM, baru-baru ini.

Penganjuran kongres itu adalah selaras dengan matlamat strategik USIM memperkukuhkan agenda integrasi ilmu naqli dan aqli, dalam misi menjadi pusat rujukan bagi peringkat serantau 2016 dan global 2025.

Pengarah ECNA Profesor Madya Dr Bhasah Abu Bakar berkata, objektif penganjuran program mewujudkan perkongsian pintar pelaksanaan model integrasi naqli dan aqli dalam pengajaran dan pembelajaran di USIM.

Katanya, 40 kertas kerja

“ Ia bagi memupuk kecemerlangan diri berlandaskan kesempurnaan ibadat dan akauntabiliti serta integriti kepada semua termasuk pelajar dan kakitangan USIM”

Dr Bhasah

dibentangkan pada kongres berkenaan dengan membincangkan tiga kluster iaitu pengajian Islam, sains sosial dan sains serta menghimpunkan tokoh pemikir yang terbabit secara langsung dalam pelaksanaan integrasi naqli dan aqli.

“Penganjuran kongres ini antara sebahagian fasa pertama program integrasi naqli dan aqli dan diterapkan bukan sahaja dalam aspek pengajian dan pembelajaran pelajar semata-mata, tetapi aspek lain termasuk Latihan

dan Kursus Kakitangan Pentadbiran USIM.

“Ia bagi memupuk kecermerlangan diri berlandaskan kesempurnaan ibadat dan akauntabiliti serta integriti kepada semua termasuk pelajar dan kakitangan USIM.

“Fasa kedua pelaksanaan integrasi ilmu naqli dan aqli pula akan memfokuskan kepada menterjemahkan konsep berkenaan di setiap fakulti, bagi membolehkan pelajar menguasai ilmu moden di samping mendapatkan suntikan roh dan nilai murni berlandaskan prinsip Islam,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, hasrat USIM untuk muncul sebagai pusat rujukan Integrasi Naqli dan Aqli di peringkat serantau dan global mampu direalisasikan.

Bellau berkata, pelbagai kejayaan dan pengiktirafan diperoleh USIM sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuk di peringkat antarabangsa.